

# Helo **Kampus**

helo kampus  
kampus@utusan.com.my

UTUSAN MALAYSIA CHELCO (KAMPUS) 8/11/17 (RABU) M/S 22

## Hadiah lumayan menanti kaki pancing

**B**ERITA baik kepada kaki pancing, Universiti Malaysia Pahang (UMP) akan menganjurkan Pertandingan Memancing Terbuka 2017 pada 11 November ini di Tasik UMP bersempena Majlis Konvokesyen UMP kali-12 di kampus Gambang, Kuantan, Pahang pada 17 hingga 19 November ini.

Pelbagai hadiah menarik menanti para pemenang pada pertandingan memancing yang akan bermula pukul 8.30 pagi itu.

Johan akan menerima wang tunai RM7,000 dan hadiah iringan, naib juara RM2,500, manakala pemenang ketiga bakal memperoleh RM1,000 dan keempat pula RM500 berserta hadiah iringan.

Pemenang tempat kelima dan sehingga ke-13 bakal membawa pulang hadiah wang tunai RM50, manakala tempat ke-14 hingga ke-22 bakal membawa pulang hadiah wang tunai RM40 dan tempat ke-23 hingga ke-31 pula RM30.

Cabutan bertuah menanti



**SEKRETARIAT** penganjur UMP dan Kumpulan Utusan melepaskan ikan kali sempena pertandingan memancing di universiti itu tahun lalu.

memancing yang bertuah dengan pelbagai hadiah berupa barangan elektrik, peralatan memancing dan barangan eksklusif Kumpulan Utusan yang menarik.

Peserta yang berminat untuk menyertai pertandingan ini perlu mendaftar di khemah Urusetia

Pusat Rekreasi Tasik UMP, Pekan bermula 10 November ini pada pukul 3 petang hingga 10 malam. Manakala pada 11 November pada pukul 6 pagi hingga 10.00 pagi untuk pendaftaran.

Pertandingan anjuran UMP dengan kerjasama Kumpulan Utusan itu turut mendapat kerjasama daripada rakan strategik *Oishi Honey Lemon* dan *Igloo*.

Setiap peserta dikenakan yuran RM40 untuk satu joran dan dua mata kail. Pihak penganjur akan menyediakan 200 baju-T kepada peserta yang mendaftar awal. Orang ramai yang berminat untuk menyertai pertandingan ini boleh menghubungi talian 013-266 7011, 013-305 2811 atau 012-284 6811.



**SEBAGAIAN** daripada peserta yang menyertai Pertandingan Memancing Terbuka 2016 sempena Majlis Konvokesyen UMP.